

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 SEPTEMBER 2025

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA : 12
SURAT

Tangani isu rasuah, kelemahan tadbir urus kunci kejayaan RMK13

12 | Rencana

Tangani isu rasuah, kelemahan tadbir urus kunci kejayaan RMK13

• Kecekapan kerajaan bukan sahaja menjadi ukuran dalam prestasi sesebuah negara, malah turut memberi kesan langsung kepada bagaimana pelabur asing dan tempatan menilai prospek ekonomi negara

• Malaysia berada pada tangga ke-57, jauh daripada sasaran RMK12 untuk menembusi 30 teratas menjelang 2025 dan lebih jauh lagi daripada sasaran RMK13 untuk berada dalam kelompok 25 teratas menjelang 2030



Penganalisis Penyelidikan Institut Masa Depan Malaysia (MASA)

Oleh Solahuddin bin Amin
bhrencana@bh.com.my

Indeks Kecekapan Kerajaan adalah antara penanda aras penting mengukur kemampuan kerajaan menyampaikan perkhidmatan awam dan mengurus pentadbiran negara secara efektif.

Diberikan setiap tahun oleh Institut Pengurusan untuk Pembangunan (IMD) di Switzerland, Indeks ini melihat daya saing negara melalui empat faktor utama iaitu prestasi ekonomi, kecekapan kerajaan, kecekapan perniagaan dan infrastruktur.

Ini mencerminkan sejauh mana kerajaan dapat menyediakan persekitaran kondusif untuk pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat melalui tadbir urus yang baik.

Malaysia berada pada kedudukan ke-23 secara keseluruhan dalam Daya Saing Dunia IMD, manakala untuk subindeks Kecekapan Kerajaan, kita berada di tangga ke-25, jauh daripada sasaran awal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) untuk menembusi sembilan teratas.

RMK13 kini menyasarkan Malaysia dalam kelompok 20 terbaik menjelang 2030 dengan skor 70, berbanding 60.4 pada tahun ini. Perbezaan angka ini mungkin kelihatan kecil di atas kertas, namun dalam dunia tadbir urus, setiap mata tambahan memerlukan pembaharuan struktur, penambahbaikan sistem dan perubahan budaya kerja signifikan.

Kecekapan kerajaan bukan sahaja menjadi ukuran dalam prestasi sesebuah negara, malah turut memberi kesan langsung kepada bagaimana pelabur asing dan tempatan menilai prospek ekonomi negara.

Negara yang memiliki institusi kukuh, dasar jelas serta sistem pentadbiran efisien akan lebih mudah menarik pelabur asing. Pelabur cenderung memilih negara yang dapat menjamin kestabilan politik dan kemudahan menjalankan perniagaan serta kurangnya birokrasi.

Masih banyak ruang untuk ditambah baik

Justeru, kedudukan Malaysia di tangga ke-25 dalam subindeks Kecekapan Kerajaan memberi isyarat bahawa masih banyak ruang untuk ditambah baik demi meningkatkan keyakinan pelabur dan memperkukuh daya saing ekonomi negara pada peringkat global.

Jika diperhalusi, prestasi Malaysia dalam komponen Kecekapan Kerajaan menunjukkan gambaran bercampur-campur. Dari sudut dasar cukai berada pada kedudukan ke-11 dan rangka institusi (ke-20), kita berada di landasan yang baik.

Kewangan awam pula berada di tangga ke-27, memberi isyarat disiplin fiskal masih perlu diperketatkan. Namun, kedudukan jauh lebih rendah dalam perundangan perniagaan (ke-38) dan Rangka Kerja Sosial (ke-46).

Rangka Kerja Sosial ini bukan sekadar istilah akademik. Ia merujuk kepada sejauh mana masyarakat bersatu padu, mempercayai institusi dan terlibat secara aktif dalam kehidupan seharian.

Ia juga mengukur tahap inklusiviti dan mobiliti sosial iaitu sejauh mana rakyat mempunyai peluang

memperbaiki kehidupan mereka. Ringkasnya, kecekapan kerajaan merosot dapat dilihat apabila masyarakat terpecah, kehilangan kepercayaan terhadap institusi pentadbiran atau merasa tertinggal.

Di Malaysia, skor Rangka Kerja Sosial yang rendah ini seiring dengan realiti di lapangan. Tahap kepercayaan awam terhadap institusi kerajaan dan tadbir urus baik masih rapuh.

Kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2024 turut mencerminkan cabaran besar memulihkan keyakinan awam.

Malaysia berada pada tangga ke-57, jauh daripada sasaran RMK12 untuk menembusi 30 teratas menjelang 2025 dan lebih jauh lagi daripada sasaran RMK13 untuk berada dalam kelompok 25 teratas menjelang 2030.

Antara faktor lain yang turut menekan Malaysia adalah birokrasi perolehan yang rumit, yang mana kajian Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menunjukkan sistem perolehan kerajaan menghadapi cabaran seperti campur tangan pihak luar, kronisme, kekurangan ketelusan serta proses berlapis-lapis.

Selain itu, perubahan dasar yang kerap serta ketidakstabilan politik turut memberi kesan negatif ketara terhadap aliran pelaburan langsung asing (FDI) di Malaysia.

Justeru, memperkukuh Rangka Kerja Sosial bukan lagi pilihan, tetapi satu keperluan strategik bagi memastikan kelestarian tadbir urus negara. Kerajaan wajar mempercepat dan memperkukuh peranan Jawatankuasa Pilihan Khas Untuk Melantik Jawatan-Jawatan Utama Perkhidmatan Awam (JPK JUPA) yang wujud sejak Disember 2018.

Ia bagi memastikan pelantikan jawatan strategik seperti Ketua Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pengerusi Suruhanjaya Pilihan

Raya (SPR), Ketua Polis Negara, Ketua Hakim Negara dan Peguam Negara dijalankan secara telus, berlandaskan Perlembagaan, merit dan bebas daripada pengaruh politik.

Walaupun JPK JUPA kini tidak mempunyai kuasa melantik secara langsung, fungsi semak dan imbang melalui prosiding, penilaian calon serta libat urus awam perlu diperkasa dengan reformasi Parlimen yang sedang berjalan mengikut Akta Perkhidmatan Parlimen 2025.

Pemodenan digitalisasi bendung rasuah

Selain itu, usaha pembanteras rasuah mesti disokong dengan pemodenan digital. Contohnya, penggunaan blockchain dalam sistem perolehan boleh meningkatkan ketelusan, manakala data terbuka dapat memberi akses rakyat menilai keberkesanan kerajaan.

Pada masa sama, dasar bersasar perlu digerakkan untuk mengurangkan jurang ketidakaksamaan sosial dan ekonomi, khususnya meningkatkan akses golongan B40 dan kumpulan terpinggir kepada peluang pendidikan, latihan kemahiran, dan peluang pekerjaan berkualiti, sekali gus memperkukuh mobiliti sosial adil.

Pemodenan penyampaian bantuan melalui digitalisasi akan memastikan agihan dibuat secara telus, pantas dan tepat kepada penerima layak, mengurangkan ketirisan dan mempertingkatkan rasa percaya rakyat terhadap kerajaan.

Kesimpulannya, jika terus gagal mengatasi gejala rasuah dan kelemahan tadbir urus, ia akan menjejaskan aspirasi RMK13, berisiko mengekalkan negara dalam perangkap pendapatan sederhana.

Namun, jika reformasi institusi dan strategi integriti dilaksanakan secara agresif dan konsisten, Malaysia berpotensi kembali ke sebagai negara berdaya saing dan diyakini pelabur.



